

Ruj. Kami : DBKL/JPPH/COBADMIN/21 (6)

Tarikh : 23 Mac 2022

20 Syaaban 1443H

PEKELILING COBKL 2022/01

Pemaju/

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)/

Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)/

Ejen Pengurusan/ Pentadbir

Bangunan Berstrata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

SYOR CADANGAN LARANGAN MEROKOK SEBAGAI UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN DI KAWASAN HARTA BERSAMA PEMAJUAN BERSTRATA MELALUI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) DAN MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM) DEMI MENYAHUT SERUAN DAN INISIATIF KERAJAAN MENJADIKAN KUALA LUMPUR BEBAS ASAP ROKOK (KLBAR)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama Sekretariat Local Agenda 21 Kuala Lumpur sebagai rakan komuniti anda sedang dalam usaha kearah generasi bebas asap rokok bagi mencapai:

VISI

- Kuala Lumpur Sejahtera dan Makmur Tanpa Amalan Merokok

MISI

- Melaksanakan Inisiatif Mempromosikan dan Pengiktirafan Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok Menjelang 2040
- Merealisasikan "Bandar Kami Rumah Kami" Bebas Amalan Merokok; dan
- Penguatkuasaan Undang-Undang Secara Berhemah dan Efektif

...2/-

Ruj. Kami : DBKL/JPPH/COBADMIN/21 (6)

3. Hasrat ini juga adalah selaras dengan perancangan pihak kerajaan untuk mengharamkan produk tembakau terhadap generasi akan datang dengan melarang penjualan rokok dan produk tembakau kepada golongan yang dilahirkan selepas 2005 begitu juga dengan mewujudkan undang-undang baru untuk mengawal selia e-rokok dan produk vape.

4. Sehubungan itu, bagi mencapai hasrat murni ini untuk menjadikan Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR) menjelang tahun 2040, pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) ingin **mengesyorkan** agar semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pemajuan pembangunan berstrata khususnya pihak pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC), Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC), Ejen Pengurusan/ Pentadbir untuk mewujudkan suatu larangan khusus berhubung merokok di dalam pemajuan berstrata. Ini boleh dilakukan dengan membuat penambahan/pindaan terhadap Undang-Undang Kecil (UUK) yang berkuatkuasa di pemajuan berstrata tersebut yang secara jelas meletakkan tanda larangan merokok di dalam kawasan harta bersama sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 32(2), 32(3), 70(2) dan 71(2) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

5. Oleh hal demikian, bagi memastikan hasrat ini tercapai, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan adalah dinasihatkan dan disarankan untuk menyahut visi dan misi pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan **mengusulkan, membincangkan serta memutuskan penambahan/pindaan terhadap UUK** tersebut di dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ataupun Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang terdekat selaras dengan syarat peruntukan akta di atas bagi **mendapatkan persetujuan 3/4 (75%) majoriti pemilik-pemilik petak yang layak mengundi sebelum ianya boleh dikuatkuasakan** sebagai tanda sokongan terhadap usaha ini.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan adalah amat diharapkan demi kesejahteraan bersama komuniti strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI HJ. MAHADI BIN CHE NGAH)

Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur



BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Borang Maklumbalas Penambahan Larangan Merokok di Kawasan Harta Bersama ke dalam Undang-Undang Kecil (UUK) di Pemajuan Berstrata

Nama pemajuan : _____

Status pengurusan : Badan Pengurusan Bersama
 Perbadanan Pengurusan
 Perbadanan Pengurusan Subsidiari
 Pemaju
 Ejen Pengurusan
 Pentadbir

Alamat pemajuan : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Butiran berhubung kelulusan meluluskan penambahan Undang-Undang Kecil (UUK) di dalam mesyuarat agung.

Jenis mesyuarat : Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)
 Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)

Tarikh mesyuarat agung : _____

Bilangan pemilik yang layak mengundi : _____

Bilangan pemilik yang layak mengundi hadir : _____

Keputusan mesyuarat : Bersetuju, Bil. (_____)
 Tidak bersetuju, Bil (_____)
 Tidak mengundi, Bil (_____)

Dokumen berikut perlulah dihantar bersama.

- Notis panggilan mesyuarat agung.
- Minit mesyuarat agung
- Salinan Undang-Undang Kecil yang telah diluluskan.

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) dalam tempoh 28 hari selepas daripada tarikh mesyuarat agung.

Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah ditujukan kepada:

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 15, Menara Bumiputra Commerce
No.11, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

Tel : 03-2617 1133/ 1132

Faks : 03-2617 1040

E-mel : cob@dbkl.gov.my